

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERASMIAN BANGUNAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
PROTON

TEMPAT: SHAH ALAM, SELANGOR

TARIKH: 20 APR 1993

MASA:

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Perusahaan Otomobil Nasional Berhad atau Proton kerana menjemput saya untuk merasmikan Bangunan Penyelidikan dan Pembangunannya pada pagi ini.

2. Hari ini kita boleh berbangga dengan prestasi dan kejayaan yang dicapai oleh PROTON dan Projek Kereta Nasional ini. Kereta Nasional, Proton Saga, bukan sahaja kini popular tetapi telah dapat menguasai pasaran tempatan dengan jayanya. Kereta-kereta PROTON juga telah mencatat nama di pasaran antarabangsa dan berjaya mengharumkan nama Malaysia sebagai negara membangun yang berjaya mengeluarkan keretanya sendiri.

3. Matlamat utama projek Kereta Nasional ini ialah untuk mencapai keupayaan negara dalam teknologi ciptaan rekabentuk dan kejuruteraan otomobil dan mempergiatkan lagi pembuatan komponen. Dengan terlaksananya projek kereta nasional, kini terdapat lebih daripada 100 syarikat tempatan yang mengeluarkan hampir seribu jenis barangan atau komponen bagi menampung pengeluaran kereta Nasional ini. Di masa yang sama, negara kita telah mencapai peningkatan teknologi yang lebih tinggi, walaupun banyak lagi harus dipelajari untuk membolehkan kita membuat Penyelidikan dan Pembangunan bagi menghasilkan model kereta kita sendiri sepenuhnya.

4. Kini, PROTON telah mencapai jumlah pengeluaran melebihi 480,000 unit. Jumlah pengeluaran yang besar ini dan peningkatannya dari masa ke masa akan membuat industri pembuatan komponen tempatan lebih 'viable' dan kompetitif. Ini jelas dapat dilihat dengan minat yang ditunjukkan oleh syarikat-syarikat komponen luar negeri dan syarikat tempatan untuk membekal komponen-komponen kepada PROTON.

5. Perkembangan yang positif ini juga dapat dilihat daripada sudut minat pelabur-pelabur membeli saham PROTON semenjak PROTON disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Syarikat PROTON ini telah berjaya menduduki tempat di antara 10 syarikat teratas di Malaysia daripada segi 'market capitalisation'.

6. Dalam konteks ini saya sukacita merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Kakitangan PROTON di atas usaha gigih mereka. Ucapan terima kasih

Kerajaan juga dipanjangkan kepada rakan kongsi Mitsubishi Motors Corporation (MMC) dan Mitsubishi Corporation (MC) yang sentiasa memberi kerjasama erat bagi menentukan pencapaian yang cemerlang.

7. Di sektor pembuatan dan pengilangan, terutama di bidang industri otomotif, aspek yang paling penting yang perlu ditekankan ialah bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). PROTON kini telah mencapai tahap kemampuan di bidang-bidang 'assembling of mass volume vehicles' dan seterusnya berjaya meningkatkan kebolehan di bidang kejuruteraan.

8. Saya berbangga kerana jurutera-jurutera PROTON terutama di Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan dan Kejuruteraan telah mampu menyokong kerja-kerja pengubahsuaian rekabentuk kereta ke tahap 'cosmetic changes'. Apa yang perlu ditekankan dan seharusnya menjadi cabaran sekarang ialah kebolehan dalam mencapai tahap 'capability in design development and manufacturing' secepat mungkin. Sementara kerjasama dengan rakan-rakan dari negara asing seperti Jepun perlu diteruskan, peningkatan kebolehan kita sehingga kita mampu membuat semua kerja dari mula sehingga ke akhir dalam bidang automotif industri, adalah penting.

9. Kita sedia maklum bahawa bidang Penyelidikan dan Pembangunan menjadi 'focal-point' di dalam usaha mempertingkatkan mutu pengeluaran yang tinggi dan kompetitif. Ini terutama sekali di bidang industri otomotif di mana setiap pengeluaran menghadapi persaingan yang hebat, baik daripada aspek rekabentuk keluarannya, cara-cara pengeluaran serta nilai harganya. Persaingan yang hebat juga dirasakan di bidang teknologi, di samping citarasa pengguna yang seringkali berubah mengikut arus peredaran masa. Disebabkan faktor-faktor inilah, peranan R&D adalah amat penting bagi memastikan kejayaan PROTON berterusan dan sama sekali tidak boleh diabaikan.

10. Setiap syarikat pembuatan dan pengilang hendaklah memberi tumpuan sepenuhnya terhadap bidang penyelidikan dan pembangunan. Pada masa ini, usaha-usaha di bidang R&D dalam bidang pembuatan di negara ini masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan sektor lain. Untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, usaha-usaha R&D perlu dipertingkatkan.

11. Saya berharap syarikat-syarikat pengilangan tempatan dapat memberi penekanan yang lebih kepada aktiviti R&D kerana hanya dengan cara ini sahaja dapat kita bersaing dengan pengeluar-pengeluar bertaraf antarabangsa. Untuk memperbaiki mutu barangan yang dikeluarkan dan bagi menghasilkan barangan yang baru supaya dapat bersaing dan kompetitif, maka pengeluar-pengeluar perlu meningkatkan aktiviti R&D meskipun ianya memerlukan pelaburan yang besar. Syarikat pengeluar harus berani untuk memulakan penyelidikan dengan menggunakan teknologi-teknologi yang terbaru demi menghasilkan barangan yang kompetitif lagi bermutu tinggi.

12. Di samping itu, rakan-rakan kongsi syarikat-syarikat

perlu mempercepat proses pemindahan teknologi kepada kakitangan tempatan, agar satu hari kelak negara ini dapat mencapai taraf 'self-reliance' dan dapat melaksanakan kerja-kerja R&D sendiri. Rakan-rakan kongsi tidak perlu bimbang dengan pencapaian tersebut kerana ia memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat sekiranya barangan yang dikeluarkan menepati citarasa dan keperluan pengguna tempatan hasil daripada kerja-kerja R&D yang dibuat di negara ini.

13. Saya difahamkan bahawa di PROTON sekarang ini, penekanan diberi ke arah mempergiatkan aktiviti-aktiviti R&D. Ini adalah satu langkah yang baik dan saya berharap pelaksanaannya akan terus dipertingkatkan. Jika aktiviti-aktiviti R&D ini dapat diteruskan dengan licin dan teratur maka ini akan memastikan keupayaan kakitangan PROTON dapat dipertingkatkan dari masa ke masa.

14. Satu cara yang digunakan oleh industri otomotif untuk meningkatkan kecekapan R&D dan memberangsangkan penyelidik dan perekacipta ialah dengan mencipta "concept car". Galakan perlu diberi oleh Proton kepada "concept car" ciptaan bahagian R&Dnya. Wang yang dibelanjakan untuk "concept car" ini bukanlah pembaziran tetapi merupakan satu pelaburan yang wajar bagi mempertingkatkan kecekapan jurutera dan perekacipta Proton. Segala galakan perlu diberikan kepada mereka. Saya juga ingin mengumumkan hadiah tertentu untuk 'concept car' yang dicipta oleh jurutera-jurutera otomotif di Malaysia, sama ada daripada industri atau akademik. Saya harap cadangan ini akan mendapat sambutan hangat daripada semua pihak termasuk rakan kongsi dari luar negeri.

15. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada PROTON yang telah mengumumkan 'Anugerah Penyelidikan' yang menekankan bidang penyelidikan. Program ini juga secara tidak langsung akan memberi perangsang dan inisiatif kepada penyelidik-penyelidik tempatan untuk meneruskan bidang penyelidikan demi kebaikan dan kebajikan masyarakat keseluruhannya.

16. Dalam konteks ini, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyokong perkembangan industri otomotif dengan menyediakan kemudahan ujian termasuk di suatu masa akan datang satu projek 'PROVING GROUND' yang mana boleh di gunakan oleh semua yang terlibat di bidang industri pengangkutan. Tujuan utama kemudahan seperti ini ialah untuk membolehkan aktiviti-aktiviti R&D dijalankan pada keseluruhannya di negara kita.

17. Prospek untuk mencapai pertumbuhan di bidang otomotif adalah cerah. Memandangkan sektor ini penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi, saya ingin menyeru pihak swasta supaya memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan industri ini.

18. Kerajaan akan terus memberi sokongan dengan menyediakan

infrastruktur yang mencukupi di samping memastikan jentera kerajaan bekerjasama dengan pihak swasta demi mencapai matlamat ini.

19. Strategi Kerajaan di bawah Dasar Pembangunan Negara ialah memulakan era baru di dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Saya berharap PROTON dapat memberi sumbangan penting dan bersikap lebih agresif untuk mencapai matlamat ini.

20. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Bangunan Penyelidikan dan Pembangunan PROTON ini. Sekian, terima kasih.